

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	5 PERKARA DILAKSANA JIKA REE MAHU DILOMBONG
	SUMBER	BH (31 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NASIONAL)

BH Selasa, 31 Disember 2024

Nasional

# 5 perkara perlu dilaksana jika REE mahu dilombong

**PEM syor cegah teroka hutan, pemburuan haram di kawasan miliki sumber ekonomi baharu**

Oleh Iah Hafiz Aziz  
[ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my](mailto:ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Persatuan Ekologi Malaysia (PEM) mencadangkan pencegahan penerokaan hutan dan pemburuan haram diberi perhatian serius oleh kerajaan sebelum lebih 1.2 juta hektar kawasan mengandungi unsur nadir bumi (REE) dikeluarkan sebagai sumber ekonomi baharu yang berpotensi tinggi.

Presiden PEM, Prof Dr Ahmad Ismail, berkata itu antara lima perkara utama, termasuk yang perlu dilaksanakan, termasuk pemantauan kawasan hutan yang lebih agresif oleh pihak berkuasa untuk membanteras kegiatan haram di kawasan yang tersorok, khususnya dalam hutan tebal.

Katanya, apabila pembukaan kawasan untuk perlombongan REE berlaku, itu memberi ruang kepada penerokaan hutan serta pemburuan haiwan liar yang dilindungi secara haram.

"Kedua, penyelarasan kerjasa-

ma perlu dilaksanakan oleh pelbagai agensi, termasuk Kerajaan Persekutuan dan negeri, untuk memastikan tiada cubaan penerokaan secara berlebihan dan tidak berlesen oleh mereka yang diberi mandat.

"Ketiga, perlu memberi lebih perhatian terhadap keadaan alam sekitar yang pastinya akan rosak teruk akibat penerokaan REE. Kawasan ini harus dilindungi biarpun ia bertujuan membuka jalan keluar dan masuk dari hutan.

"Keempat ialah mengenai bahan kimia yang digunakan untuk mengeluarkan REE, perlu diteliti kesannya kepada alam dan penduduk sekitar. Ia perlu mendapatkan pengesanan teliti daripada pelbagai agensi bertanggungjawab, seperti Jabatan Kimia, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) serta Ja-



batan Kesihatan.

"Terakhir ialah pembabitian penduduk setempat, mahupun Orang Asli, yang perlu diberi perhatian utama. Laporan dan aduan yang diberikan oleh mereka perlu dititikberatkan untuk mengelakkan masalah yang lebih besar berlaku," katanya kepada BH semalam.

## Risiko lombong haram

BH secara eksklusif kelmarin, melaporkan mengenai lebih 1.2 juta hektar kawasan atau 12,150

kilometer persegi (km<sup>2</sup>) yang berpotensi memiliki REE di seluruh negara, terdedah kepada risiko kegiatan perlombongan haram kerana kaedah melombong yang mudah.

Selain tidak memerlukan peralatan berat yang banyak, REE menjadi tarikan kegiatan haram itu kerana harga jualannya yang mahal.

Berdasarkan rekod JMG, 10 negeri yang dikenal pasti berpotensi memiliki REE ialah Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Selangor, dan Sarawak, dengan jangkaan nilai sebanyak RM809.6 bilion.

Daripada jumlah itu, Terengganu merekodkan kawasan berpotensi paling luas, iaitu 575,000 hektar; Kelantan 205,000 hektar; Perak 135,000 hektar; Pahang 100,000 hektar; Kedah 90,000 hektar; Johor 45,000 hektar; dan Melaka 10,000 hektar.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, kerajaan negeri yang berhasrat melakukan perlombongan REE secara besar-besaran dinasihatkan sentiasa bersabar dan tidak gelojoh, sebaliknya mengkaji kesan sampingan yang akan berlaku pada masa depan.

"Apakah kesan jangka panjang kepada hakisan permukaan dan kejadian tanah runtuh yang akan berlaku nanti? Kejadian dan bencana ini tidak akan berlaku segera, sebaliknya akan memberi implikasi kepada generasi masa depan," katanya.



REE yang siap diproses dirampas di FELDA Aring 8, Gua Musang pada 9 Disember lalu. (Foto Paya Linda Yahya/BH)

2.	TAJUK	KELANTAN DALAM PROSES MOHON DAPAT KELULUSAN EIA, JAS
	SUMBER	BH (31 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NASIONAL)

## Kelantan dalam proses mohon dapat kelulusan EIA, JAS

**Kota Bharu:** Kelantan menjangka proses perlombongan unsur nadir bumi (REE) di negeri itu dapat dilakukan dalam tempoh dua tahun.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan, berkata pihaknya kini dalam proses membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan Laporan Kesan Penilaian Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Berdasarkan mesyuarat dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum ini, JAS berjanji kelulusan EIA lebih cepat, iaitu enam bulan.

"Kita akui lebih lama masa diambil akan merugikan negeri kerana akan diambil kesempatan pelombong haram.

"Antara kekangan menyebabkan perlombongan REE mengalami kelewatan disebabkan beberapa faktor, iaitu terdapat kawasan berpotensi berada dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK), selain ke mana kita perlu menjual hasil berkenaan.

"Kita tidak dibenarkan eksport dan kita bersetuju dengan langkah kerajaan. Namun, kita minta Kerajaan Persekutuan membuat usaha dengan mana-mana syarikat besar supaya membuka kilang di sini.

"Memang kita ada Lynas, namun lebih banyak kilang lebih baik. Di peringkat negeri, kita akan cuba mempercepat proses bagi membolehkan aktiviti perlombongan hasil REE itu dilakukan," katanya.

2.	TAJUK	'TEROKA SUMBER STRATEGIK MASA DEPAN SECARA LESTARI'
	SUMBER	BH (31 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NASIONAL)

## 'Teroka sumber strategik masa depan secara lestari'

**Kuala Lumpur:** Lebih 1.2 juta hektar kawasan mengandungi unsur nadi bumi (REE) yang dilaporkan mampu dilumbung di negara ini sebagai sumber ekonomi baharu kerajaan negeri, sewajarnya dibenarkan tersimpan dalam bumi untuk kegunaan generasi masa hadapan, kata seorang pakar pembangunan lestari.

Pengarah Sains, Konsortium Universiti Industri, Kelestarian Landskap Karu Tropika, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berpandangan REE adalah antara sumber strategik masa depan dan ia perlu dibangunkan menerusi teknologi pertombongan lestari.

"Sumber ini bakal menentukan kekuatan teknologi dan ekonomi negara. Selagi belum bersedia, eloklah sumber ini tersimpan di bumi untuk anak cucu kita.

"Saya juga melihat perlombongan secara berpadu mungkin boleh dipertimbangkan buat masa ini," katanya kepada BH, semalam.

Mengulas lanjut, Ibrahim berkata, REE membabitkan lebih 1.2 juta hektar kawasan tanah itu kebanyakannya berada di kawasan hutan dan bukit.

"Ia bukan berada di satu wilayah yang kecil. Jadi, isu impak alam sekitar secara jangka panjang perlu diperhalus. Jangan sampai 'nasi menjadi bubur'.

"Setiap kenyataan perlu difikirkan agenda kedaulatan negara, kelestarian pembangunan, faedah kepada masyarakat ramai, dan kesihatan alam sekitar yang memberikan perkhidmatan ekologi secara percuma," katanya.



Ibrahim Komoo

Katanya, beliau tidak menghalang perlombongan dibuat tetapi berharap ia dilakukan secara berstrategi dan lestari, demi kepentingan masyarakat tempatan, negeri, dan negara.

"Lombonglah secara berpadu, jaga kepentingan masyarakat, warisan alam, dan kesihatan alam sekitar diberikan perhatian bijaksana," katanya.

**Penggunaan jentera berat**

Sementara itu, pakar perhutanan, Profesor Madya Dr Siti Surriwati Isa dari Jabatan Rekreasi dan Ekokelengkapan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata biarpun ada pakar mineral dan geosains bersetuju aktiviti perlombongan haram REE meninggalkan kesan kecil kepada alam sekitar, namun ada kerisauan penting terhadap penerokaan hutan, khususnya penggunaan jentera berat.

"Kita tidak boleh menolak kemungkinan aktiviti perlombongan REE secara haram boleh dilakukan secara besar-besaran oleh mereka yang tamak. Apabila dilakukan secara haram dan tanpa pemantauan pihak berkuasa, ia boleh mengakibatkan penerokaan kawasan tanah tanpa had dan sewenang-wenangnya.

"Jumlah pekerja haram yang besar akan memberikan kesan negatif kepada alam sekitar. Sebagai contoh, hutan akan dite-roka dan pelombong haram akan membina penempatan sementara untuk para pekerja. Kebiasaannya mereka ini tidak akan ambil peduli mengenai cara penerokaan hutan dan kebersihan kawasan persekitaran.

"Lebih lama mereka di situ maka lebih banyak kerosakan yang dilakukan oleh mereka. Situasi ini turut membebankan penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan perlombongan haram itu," katanya.

Oleh demikian, beliau berkata, pelan berkaitan prosedur operasi standard (SOP) Perlombongan Unsur Nadi Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) perlu dikuatkuasakan secepat mungkin di Malaysia.

"Proses menyiapkan pelan dan menguatkannya perlu dilakukan segera agar kerugian lebih besar kepada rakyat dan negara dapat dikekang serta-merta.

"Kerengah birokrasi perlu dikurangkan bagi meluluskan NR-REE di Malaysia dalam masa terdekat," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
 Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
 Jabatan Alam Sekitar  
 Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
 43600 UKM Bangi, Selangor